

18 AUG 1997

PERDANA MENTERI AKHIRI LAWATAN KE SABAH

KOTA KINABALU, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pagi ini berlepas ke Miri, Sarawak selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Yang turut berada di terminal lama Lapangan Terbang Kota Kinabalu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Timbalan-timbalan Ketua Menteri serta anggota kabinet negeri.

Sepanjang berada di Sabah, Perdana Menteri melawat Hutan Simpan Deramakot di Sandakan bagi meninjau sendiri pelaksanaan kaedah pengurangan kesan dalam pembalakan di kawasan itu.

Kaedah itu yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, merupakan satu teknik penebangan impak rendah menggunakan sistem kabel udara untuk kerja-kerja pengangkutan balak yang telah ditebang, sekaligus meminimumkan kerosakan kawasan persekitaran akibat penebangan itu.

Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis makan malam anjuran Barisan Nasional Sandakan sebelum merasmikan Konvensyen Umno Sabah di sini semalam.

Acara lain yang beliau hadiri sepanjang lawatan itu ialah perasmian Hotel Promenade di sini, menutup Kejohanan Badminton Piala Perdana serta menghadiri majlis makan malam anjuran Barisan Nasional Sabah.

Pada majlis makan malam itu, Perdana Menteri turut mengisytiharkan ketinggian baru Gunung Kinabalu, 4,095.2 meter. -- BERNAMA

JS RON